

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai perkahwinan berbeza agama di Indonesia yang ditinjau dari perspektif Undang-undang No. 1 Tahun 1974, iaitu undang-undang yang mengatur segala perkara yang berhubung kait dengan perkahwinan warga negara Indonesia. Kawasan yang dijadikan tempat kajian ini adalah Semarang, Solo, dan Yogyakarta. Semarang dipilih untuk mewakili masyarakat bandar, di mana masyarakatnya disibukkan dengan aktiviti kerja. Solo mewakili masyarakat desa dan abangan. Sedangkan Yogyakarta mewakili masyarakat urban, dan terpelajar. Kajian ini merupakan kajian pustaka (*library research*), iaitu suatu kajian yang dilakukan dengan meneroka pelbagai buku atau kajian yang berhubung kait dengan perkahwinan berbeza agama. Dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan *normatif historis*, iaitu pendekatan yang berasaskan daripada data teks (al-Quran) dan undang-undang. Data-data kajian didapati daripada peraturan perundangan, dan bahan pustaka sebagai sumber primer, kemudian dihubung kaitkan dengan fakta empirik yang diperolehi daripada temu bual dengan orang yang melakukan perkahwinan berbeza agama dan pegawai pelaksana perkahwinan. Setelah itu, data-data dianalisis dengan cara non statistik (kualitatif) untuk diambil kesimpulan dengan menggunakan metode *refliktif* (deduktif-induktif), dan tata fikir *devergen* (kreatif-inovatif). Daripada kajian ini didapati bahawa jika ada dua orang yang berbeza agama mahu melaksanakan perkahwinan dan masing-masing mempertahankan agama dan kepercayaannya selalu mengalami hambatan. Sebab, para pegawai pelaksana perkahwinan dan pemimpin agama atau ulama mentafsirkan bahawa perkahwinan berbeza agama bercanggah dengan UU Perkahwinan dan agama. Kedua, wujudnya pentafsiran yang berbagai terhadap ketentuan dalam UU Perkahwinan daripada para pakar undang-undang di Indonesia. Ketiga, pada asasnya semua agama yang diiktiraf negara Indonesia mlarang perkahwinan berbeza agama. Namun, dalam agama Islam ada pendapat ulama yang membolehkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita non Muslim, serta agama Kristian Katolik dan Kristian Protestan juga memberikan peluang perkahwinan berbeza agama bagi penganutnya dengan syarat pasangannya yang berbeza agama mahu mengikuti aturan gereja. Hanya agama Hindu dan Budha sahaja yang melarang secara mutlak perkahwinan berbeza agama. Keempat, orang yang melakukan perkahwinan berbeza agama dapat memperolehi sijil perkahwinan sebagai pengiktirafan daripada negara.

ABSTRACT

This study discussing inter religious marriage in Indonesia is viewed from the perspective of Law No. 1, 1974, the law regulating all matters in relation to Indonesian citizen marriage. It was conducted in three places, namely, Semarang, Solo, and Yogyakarta. Semarang was chosen to represent urban people where people are engaged in works. On the other hand, Solo represents rural communities and suburban society (abangan). Yogyakarta represents urban and educated people. It is a library research, e.g. a study conducted by analyzing literatures or studies discussing inter religious marriage. The study uses historico-normative approach; the approach is based on data from the text (the Quran) and the law. Survey data available from primary source, e.g. government regulations, and literature, were connected with empirical facts derived from interviews with marriages executive officers and people having inter religious marriage. Subsequently, the data were analyzed by means of non statistical (qualitative) technique and concluded by using reflective (deductive-inductive) technique as well as divergent (creative-innovative) one. It turns out that if there is a couple from two different religions who want to perform marriage, it is hard for them to defend their own religion and beliefs. In other words, inter religious marriage can hardly be performed in Indonesia. There are at least four reasons why it cannot be performed. First, the executive officers of marriage and religious leaders or scholars interpret that inter religious marriage is in conflict with the law of marriage in Indonesia. Secondly, there are various interpretations of the provisions in the Marriage Law made by experts on Indonesian law. Third, all religions recognized formally by Indonesian state prohibit marriage of different religion. However, an opinion of Islamic scholars allowing Muslim men to marry non Muslim women from Catholic Christians and Protestant Christians also provides opportunities for inter religious marriage provided that their partners want to follow the rules of the church. Only the Hinduism and Buddhism absolutely forbid marriage of different religion. Fourth, those who want to perform inter religious marriage are hard to obtain a marriage certificate recognized by the country.

PENGHARGAAN

Tiada ungkapan yang patut penulis persembahkan selain ungkapan rasa syukur ke hadirat Allah SWT, kerana dengan hidayah, taufik, dan pertolongan-Nya, akhirnya penulis berjaya menyelesaikan tesis ini. Penulis sedar bahawa tesis ini masih jauh daripada kesempurnaan. Tetapi setidaknya tesis ini boleh menjadi sedikit gambaran daripada hasil pengembaraan penulis selama menuntut ilmu di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Oleh itu, kritik dan saranan daripada pembaca amat penulis harapkan demi perbaikan dan kesempurnaan karya ilmiah ini.

Selawat dan salam juga penulis sampaikan kepada Nabi akhir zaman, Nabi Muhammad s.a.w. berserta ahli keluarganya, sahabat-sahabatnya dan orang-orang yang mengikuti sunnah-sunnah dan ajaran-ajarannya dengan baik dan ikhlas sehingga dengan semangat yang mereka tunjukkan dalam mengibarkan bendera Islam mampu memberikan dorongan kepada penulis untuk sentiasa percaya diri dalam menghadapi pelbagai rintangan selama proses penyelesaian tesis ini.

Penulis ingin merakamkan sesebuah penghargaan dan ucapan terima kasih yang sedalam-dalamnya kepada Prof. Madya DR. Raihanah Bt Hj. Abdullah selaku penyelia. Penulis merasa berhutang budi kepada beliau, bukan hanya kerana keramahan beliau dalam memberikan tunjuk ajar selama proses penulisan tesis ini, tetapi juga kesabaran, nasihat, motivasi, dan kerjasama yang ditunjukkan di tengah-tengah kesibukan beliau sehingga penulisan tesis ini boleh selesai dengan baik. Semoga apa yang telah beliau berikan kepada penulis mendapatkan balasan yang setimpal daripada Allah SWT.

Ucapan terima kasih pula, tidak lupa penulis sampaikan kepada semua pensyarah di bahagian pengajian Syariah khususnya di Jabatan Syariah dan Undang-undang yang dengan ikhlas mengajarkan ilmu pengetahuan dan bimbingan mereka kepada penulis. Dan penulis juga mengucapkan terima kasih kepada Ketua Jabatan

Syariah dan Undang-undang, Pengarah dan Timbalan Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah memberikan kesempatan kepada penulis untuk menyelesaikan tesis ini. Semoga Allah SWT memberikan ganjaran yang setimpal kepada mereka

Penulis juga mengucapkan terima kasih yang tak terkira kepada Ayahanda dan Ibunda tercinta, KH. Djamzuri (*Allah yarham*) dan Hj. Lismiyati (*Allah yarham*), yang telah mendidik, memberikan kasih sayang, serta menanamkan kekuatan untuk selalu tegar dalam mencari ilmu dan menghadapi cabaran kehidupan. Mereka lah inspirasi penulis untuk selalu mara ke hadapan untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Selain itu, penulis juga mengucapkan terima kasih kepada kakak beradik penulis, Mbak Zumrotul Hasanah, Mbak Nikmah Rachmawati, Ismail Marzuki, Sohirin, dan adik Ainun Najib, yang telah memberikan semangat, memberikan solusi atas setiap persoalan yang dihadapi selama penyelesaian tesis, mendoakan penulis di rantau, serta nasihat dan kasih sayangnya yang tak terhingga. Tak lupa penulis juga ucapan terima kasih kepada keluarga besar Bani Hasyim yang selalu menyayangi, mendorong, dan mendoakan penulis untuk menyelesaikan tesis ini. Sehingga selayaknya lah tesis ini penulis persembahkan kepada mereka.

Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada segenap pegurus Nahdlatul Ulama Cabang Istimewa Malaysia, segenap pengurus Persatuan Pelajar Indonesia se-Malaysia 2007/2008, Gasandro, PMII, FK-MASI, Kantor Wilayah Departemen Agama Jawa Tengah, Pengadilan Tinggi Negeri Jawa Tengah, Prof. Madya Dr. Rahimin, serta seluruh penduduk Indonesia di Segambut, Gombak, dan Puchong. Ucapan terima kasih ini pantas diberikan kepada mereka yang telah memberikan kerja sama dan dorongan kepada penulis untuk menyelesaikan tesis ini. Dan khusus bagi masyarakat Bawean, Jawa dan Madura yang namanya tidak dapat kami sebutkan satu per satu, penulis

ucapkan terima kasih yang tak terhingga atas penyaraan yang telah diberikan kepada penulis selama merantau untuk mencari ilmu di Malaysia.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat, Sri Wahyuni, Emlia Ahsaniah, Kak Lin, Dawami Bukhori, Bang Misbah, Aliyah, Kak Mimin, Ustaz Liling, Ustaz Ahmad Mu'idi, Ustaz Amin Fadlilah, Kak Toto, Cak Mawardi, Cak Nding, Kak Syarifah, Kak Lis, Eric, Bulhayat dan lain sebagainya yang tidak mungkin penulis sebutkan satu per satu, terima kasih atas segala waktunya yang telah diberikan dalam menemani penulis untuk bercerita, berdiskusi, dan berorganisasi di rantau ini. Mereka adalah kawan-kawan yang selalu memberikan semangat dan dorongan selama penulis berproses dalam mengukir sejarah kehidupan di rantau ini, serta bersama mereka jugalah penulis mampu menciptakan sesebuah kenangan yang tak terlupakan selama menempuh pengajian di Universiti Malaya ini.

Akhirnya, semoga tesis ini dapat memberikan manfaat, sama ada bagi penulis peribadi maupun pembaca sekalian. Amin...

Sholahuddin Al Hasyimi

Mijen RT: 02 RW: 10 No. 91
Bulung Cangkring Jekulo Kudus
Jawa Tengah Indonesia 59382